



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**ISTIQAMAH PENYUBUR JIWA KEHAMBAAAN**

**Tarikh Dibaca:**

**5 SYAWAL 1446H /  
4 APRIL 2025**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذَا قِيلَ لَهُمْ  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## ISTIQAAMAH PENYUBUR JIWA KEHAMBAAAN

4 APRIL 2025 / 5 SYAWAL 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَلَا تُبْطِلُوا أَعْمَالَكُمْ﴾ ﴿٣٣﴾ محمد: ٣٣  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ  
اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Suka untuk saya mengingatkan saudara-saudara sekalian agar tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan berhentilah dahulu dari bermain telefon bimbit. Dengar dengan tekun khutbah ini. Mudah-mudahan ia membawa banyak pengajaran kepada kita semua. Khutbah pada hari ini bertajuk: “**Istiqamah Penyubur Jiwa Kehambaan**”.

Sebelum meneruskan topik khutbah, saya ingin menyeru kepada seluruh umat Islam untuk mendoakan keselamatan dan kesejahteraan mangsa-mangsa yang terlibat dalam kejadian kebakaran dan letupan saluran gas baru-baru ini. Marilah kita sama-sama membantu mereka dalam apa jua bentuk bantuan bagi meringankan beban mereka yang

terjejas. Semoga Allah SWT melindungi mereka, memberikan kesabaran, dan memudahkan urusan pemulihan kecederaan serta kerugian yang dialami.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Ramadan telah berlalu pergi. Pemergiannya pasti dirindui. Alangkah beruntungnya mereka yang mengharungi Ramadan lalu dengan sepenuh kesungguhan dan keikhlasan lalu meraih semua janji-janji indah berupa pengampunan dosa, gandaan ganjaran pahala, kelepaan daripada azab neraka dan kelayakan untuk ke syurga. Namun, kesungguhan beramal tidak seharusnya terhenti dengan berakhirnya Ramadan, bahkan ia mesti berkesinambungan sepanjang masa selagi hayat dikandung badan. Renungi firman Allah SWT dalam Surah Muhammad, ayat 33 yang menjadi mukadimah khutbah, bermaksud;

*“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasulullah, dan janganlah kamu batalkan amal-amal kamu”.*

Lazimnya, berakhirnya Ramadan mengembalikan kita kepada tabiat, rutin dan sikap lama seperti meninggalkan solat berjemaah, tidak lagi membaca al-Quran dan kurang melakukan ibadah-ibadah sunat. Lazimnya, kita juga sering terleka meraikan keceriaan Syawal sehingga terjerumus kepada perlakuan dan tindakan yang menyimpang daripada landasan Islam. Imam Muslim meriwayatkan hadis daripada Sufyan bin Abdullah al-Thaqafi *radhiallahuanhu*, bahawa Rasulullah SAW telah ditanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ، قُلْ لِي فِي الْإِسْلَامِ قَوْلًا لَا أَسْأَلُ عَنْهُ أَحَدًا بَعْدَكَ؟  
قَالَ: قُلْ آمَنْتُ بِاللَّهِ فَاسْتَقِمَّ.

**Bermaksud:** *“Wahai Rasulullah! Katakanlah kepadaku dalam Islam suatu perkataan yang aku tidak perlu bertanya kepada orang lain selainmu. Baginda SAW bersabda: Katakanlah, aku beriman dengan Allah kemudian beristiqamahlah”.*

Iniilah nilai sebenar iman kita. Istiqamah dalam ketaatan. Sedarlah, jika kita bersungguh-sungguh beribadah kerana Allah SWT bukan hanya kerana Ramadan, sudah pasti kesan tarbiah dan ibadah di bulan berkat itu dapat kita raih. Kekuatan untuk istiqamah beramal ibadah dan melakukan amalan kebaikan terutama solat berjemaah, sedekah dan

membaca al-Quran dapat dipertahankan dan menjadikannya sebagai amalan seharian. Sungguh, istiqamah dalam beribadah selepas Ramadan merupakan cabaran yang besar. Namun, dengan niat yang ikhlas, mujahadah yang berterusan dan berdoa kepada Allah SWT, kita akan dibantu untuk mengekalkan amalan-amalan yang telah dibina sepanjang Ramadan.

### **Para Tetamu Allah yang dimuliakan,**

Rutin berpuasa sebulan Ramadan sudah tentu menjadikan badan kita terbiasa untuk tidak makan dan minum selama hampir 13 jam setiap hari. Apabila tibanya Syawal, keghairahan kita menjamah makanan yang pelbagai kadang-kala melepasi had keperluan badan kita. Justeru, ambillah peluang untuk berpuasa sunat enam hari pada bulan Syawal ini demi meraih ganjaran besar yang tidak wajar dilepaskan. Amati hadis riwayat Imam Muslim daripada Abu Ayyub al-Ansari *radiallahuanhu*, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

**Maksudnya:** “Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan, kemudian diikuti dengan enam hari di bulan Syawal, ia umpama berpuasa sepanjang tahun”.

Puasa enam hari di bulan Syawal merupakan tanda kesyukuran hamba kepada Tuhannya. Di samping ia dapat mengimbangi sistem penghadaman dan menjaga kesihatan, ia membantu kita untuk melazimi amalan soleh secara berterusan. Ajaklah ahli keluarga untuk sama-sama melakukannya. Semoga Allah SWT menerima ibadah kita dan memasukkan kita bersama golongan yang memperoleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

### **Sidang jemaah yang berbahagia,**

Syawal menjadi medan untuk kita menyubur silaturahim dan mengeratkan ukhuwah. Pasti, budaya kunjung-mengunjung telah menjadi amalan baik yang diteruskan dari generasi ke generasi. Namun, dalam pada kita sibuk berkunjung, menziarahi antara satu sama lain, adab harus dijaga. Sesuai dengan kehendak dan tuntutan syarak. Suka untuk saya tekankan beberapa adab yang perlu diperhati ketika berkunjung;

1. **Niat yang ikhlas.** Perbetulkanlah niat berziarah iaitu untuk mengeratkan silaturahim dan menyebarkan kegembiraan, bukan untuk bermegah-megah atau menunjuk-nunjuk.

2. **Memilih waktu yang sesuai.** Pilih waktu yang sesuai untuk berziarah. Janganlah datang terlalu awal atau terlalu lewat sehingga mengganggu tuan rumah. Sebaiknya, maklumkan terlebih dahulu sebelum berkunjung.
3. **Berpakaian sopan dan menutup aurat.** Pakailah pakaian yang menutup aurat dan patuh syariat Islam. Jangan memakai pakaian yang menjolok mata dan boleh membawa fitnah.
4. **Memberi salam dan doa.** Berilah salam dengan penuh adab dan doakan kebaikan untuk tuan rumah, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah an-Nur, ayat 27:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّى تَسْتَأْذِنُوا وَتُسَلِّمُوا عَلَى أَهْلِهَا ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

**Maksudnya:** “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu lebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penduduknya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, supaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu)”.

5. **Menjaga perbualan dan tidak berlebih-lebihan.** Awasilah tutur kata ketika berziarah dan hindarilah perbualan yang mengandungi fitnah, umpatan atau sindiran yang boleh menyinggung perasaan orang lain. Sebaiknya, gunakan kesempatan ini untuk saling mendoakan dan menyebarkan kata-kata yang baik.
6. **Menghormati tuan rumah.** Jangan terlalu lama menumpang di rumah seseorang sehingga menyusahkan mereka. Sebaiknya, bertamu dalam tempoh yang sederhana dan tidak menyusahkan tuan rumah.
7. **Mengawal anak-anak.** Ibu bapa hendaklah memastikan anak-anak tidak membuat bising, mengganggu atau merosakkan barang-barang di rumah yang dikunjungi. Ajarkan mereka adab yang baik ketika bertamu.
8. **Menjaga adab makan dan minum.** Sekiranya dijamu makanan, ambillah sekadarnya dan jangan membazir. Elakkan juga daripada mengkritik makanan yang dihidangkan oleh tuan rumah.

**Para tetamu Allah yang dimuliakan,**

Sebagai penutup khutbah, renungkan beberapa saranan berikut:

**Pertama:** Syawal bukan sekadar bulan kemenangan, kegembiraan dan kemeriahan, tetapi ia bulan kesinambungan ibadah dan amalan kebaikan setelah berjaya mengharungi tarbiah Ramadan.

**Kedua:** Didiklah jiwa untuk istiqamah menunaikan solat fardu berjemaah, membaca al-Quran, berzikir, qiamullail dan jangan lupa untuk berpuasa sunat enam hari di bulan Syawal.

**Ketiga:** Buktikan bahawa tarbiah Ramadan telah berjaya membentuk diri kita menjadi insan yang berperibadi mulia, sabar dan hidup bersulamkan adab dan sopan.

Mengakhiri khutbah, hayati firman Allah SWT dalam Surah Fussilat, ayat 30:

﴿إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ﴾

**Bermaksud:** "Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunkah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): "Janganlah kamu bimbang dan janganlah kamu berdukacita dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ۝﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَّالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-فَرْتَوَانِ اكَوْغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمَ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ فَرْمَايسُورِي اكَوْغْ، رَاغْ زَارِيْثُ صُوفِيَاةَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتِهِ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمْنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah! Berilah mereka kekuatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya Engkau Yang Maha Berkuasa. Ya Allah! Perbaikilah segala urusan kami dan urusan-urusan yang memberi kebaikan kepada umat Islam. Satukanlah hati kami seluruh umat Islam dan singkirkanlah perpecahan yang timbul dalam kalangan kami. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat-Mu ke atas kami dan jangan jadikan kami termasuk orang-orang yang terhalang dari nikmat-Mu. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kesengsaraan, kemarau, banjir, kezaliman, kesesatan, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Ya Allah! Bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.